

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KARNIVAL BUMI
KENYALANG BERSEMPENA KEMPEN BELI BARANGAN
MALAYSIA**

PADA

22 SEPTEMBER (SELASA)

TEMPAT

AEON MALL, NILAI, NEGERI SEMBILAN

Bukan kacang sebaranglah kacang,
Kacang dimakan dengan berangan,
Bukan datang sebarang datang,
Datang kamek membawa barangan.

Barangan di bawak dari Kapit,
Barangannya cantik disusun rawak,
Datang kamek di teman di apit,
Datang memperkenalkan barangan Sarawak.

Oooooooooooooooooo,

Apa khabar kitak semua?

Sekali lagik.

Apa khabar kitak semua?

Sekalung terima kasih kepada pengerusi majlis.

SALUTASI

Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato' Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, yang dihormati sekalian.

- Senarai saluti akan dikemukakan semasa majlis perasmian -

Salam sejahtera dan selamat datang ke Program Karnival Bumi Kenyalang bersempena dengan Kempen Beli Barangan Malaysia.

1. Saya dimaklumkan bahawa Program Karnival Bumi Kenyalang yang bermula pada 16 September dan akan berlangsung sehingga 30 September mendapat sambutan yang amat baik di kalangan warga Lembah Klang. Apa tidaknya, dari tempat letak kereta lagi pengunjung telah beratur panjang. Warga Lembah Klang dan kawasan sekitar Nilai khususnya mengambil kesempatan untuk mencuba serta membeli barangan daripada Sarawak. Pada masa yang sama saya mengharapkan agar pihak AEON dan pengunjung bersama-sama memastikan norma baharu dipraktikkan dengan mengamalkan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bagi mengelak kunjungan yang melibatkan jumlah yang ramai ini menjadi sumber penularan COVID-19.
2. Saya percaya sambutan baik ini adalah hasil daripada hebahan sendiri warga maya yang memberi liputan meluas. Ini sudah tentu hasil daripada usaha pihak AEON, Kerajaan Negeri Sarawak dan KPDNHEP yang bertungkus lumus menguar-uarkan Program ini melalui pelbagai saluran termasuklah media social bagi memastikan kejayaan Program ini.

Kerjasama Strategik di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Pihak Korporat

Membeli sayur paku berikat-ikat,
Sayur dibeli di pasar Dalat,
Pihak korporat dan Kerajaan bermuafakat,
Akhirnya rakyat mendapat manfaat.

3. Kerjasama strategik di antara Kerajaan Pusat melalui KPDNHEP bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MINTRED) dan Perbadanan Ekonomi Sarawak (SEDC) serta Kumpulan AEON adalah salah satu inisiatif bagi memulihkan ekonomi Malaysia melalui Kempen Beli Barangan Malaysia.
4. Kerjasama ini adalah salah satu contoh bagaimana semua pihak mengembleng tenaga membantu usahawan kecil dan sederhana mengharungi cabaran ekonomi yang sukar kini. Kerjasama semua pihak inilah sebenarnya memberi nilai yang cukup bermakna kepada Malaysia kerana ia memberi satu signal bahawa bagi mengharungi tempoh sukar ini maka sikap muafakat itu perlu diterjemahkan.

KBBM memberi manfaat kepada usahawan kecil dan sederhana

5. Melalui PENJANA, Kempen Beli Barangan Malaysia telah digerakkan semenjak awal Julai 2020. Program Karnival Bumi Kenyalang mampu memberi lonjakan berterusan kepada barangan buatan Sarawak dan sekali gus memberi kesan positif kepada usahawan kecil dan sederhana. Saya dimaklumkan bahawa dalam tempoh 5 hari pertama sahaja, jualan telah mencapai lebih RM100 ribu. Malahan sambutan yang luar biasa ini memaksa pihak usahawan kecil dan sederhana Sarawak terpaksa mengisi semula bekalan produk dan barangan kerana sambutan yang luar biasa ini. Saya percaya dengan sambutan yang luar biasa ini, sasaran jualan RM350 ribu akan tercapai. Saya berharap program seumpama ini diteruskan dan

dipanjangkan kepada negeri-negeri lain di mana usahawan kecil dan sederhana amat berharap akan program-program seperti ini.

6. Program ini merupakan program kedua oleh Kumpulan AEON bagi membantu usahawan kecil dan sederhana. **Program AEON Prihatin Bersama IKS** dimana usahawan di bawah beberapa agensi kerajaan lain seperti MARA, KRAFTANGAN dan lain-lain diberi peluang untuk berniaga di dalam pusat membeli-belah AEON terpilih. Program ini berjaya menjana jualan melebihi RM1.9 juta ringgit hanya dalam tempoh 2 bulan. Saya berharap usaha Kumpulan AEON ini dapat diteruskan bagi membantu usahawan kecil dan sederhana mengharungi tempoh sukar ekonomi sekarang. Malahan pihak AEON mungkin boleh mempertimbangkan capaian kepada pengguna diperluaskan melalui platform e-dagang AEON.

KBBM diperluaskan lagi melalui pelbagai inisiatif

7. Kementerian saya sedang memperhalusi dan memuktamadkan beberapa inisiatif peluasan pasaran bagi membantu usahawan kecil dan sederhana untuk menjual produk dan barangan mereka. Inisiatif ini secara tidak langsung akan membantu mengerakkan ekonomi. Sekiranya ini berlaku maka permintaan kepada barangan dan produk tempatan akan diterjemahkan semula dalam bentuk penyediaan pekerjaan kepada rakyat Malaysia terutamanya yang berada di kawasan luar bandar.
8. Beberapa inisiatif KBBM telah membantu usahawan kecil dan sederhana dengan penembusan serta penyenaiaan sebanyak 31,009 *stock-keeping unit* atau SKU produk dan barangan mereka

bagi tahun 2019. Manakala jualan bagi 2019 adalah sebanyak RM667 juta. Jumlah ini adalah peningkatan hampir 75% berbanding tahun 2015 yang hanya mencatat sebanyak 17,771 SKU dan nilai jualan sebanyak RM164 juta.

9. Saya dan pegawai-pegawai Kementerian akan terus bekerja keras bagi memastikan usahawan kecil dan sederhana kekal relevan dan sekaligus memberi sumbangan bermakna kepada ekonomi negara terutamanya sumbangan sector peruncitan kepada KDNK negara. Beberapa program telah diatur sepanjang bulan September dan Oktober dan momentum sedia ada diharap dapat membantu pemulihan sektor peruncitan.
10. Pada masa yang sama, saya menyeru kepada rakyat Malaysia secara amnya agar terus membantu memulihkan ekonomi Malaysia dengan berbelanja. Berbelanjalah untuk Malaysia. Barang baik adalah barang kita.

Sekian, terima kasih. Salam sayang daripada Sarawak.

Ooooooaaaaa....